

Shhh.... Diam!

Soeloeh Merdeka ialah *imprint Kawah Buku* yang memfokuskan kepada genre yang umum termasuklah karya-karya pop dan separa ilmiah. Didirikan pada tahun 2019, nama *imprint* ini terilham daripada sebuah akhbar yang diterbitkan di Medan, Indonesia sekitar tahun 1940-an, yang berpengaruh sewaktu Revolusi Sosial Sumatera Timur. Istilah “*Soeloeh*” setara dengan *Suluh* (yang biasa diguna pakai di Malaya). Ejaan ini dikekalkan, sebagai memberi penghormatan kepada van Ophuijsen, kerana beliau adalah orang pertama membakukan ejaan bahasa Melayu di Indonesia, menerusi karyanya *Maleische Spraakkunst* pada tahun 1910.

Shhh.... Diam!

Ideologi dan Kewartawanan
dalam Empat Esei

Wan Hamidi Hamid



Bangi

Hak cipta manuskrip © Wan Hamidi Hamid 2026
Hak cipta suntingan dan penerbitan © Kawah Buku

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Edisi ini diterbitkan pertama kali pada tahun 2026 oleh

Soeloeh Merdeka, sebuah imprint **Kawah Buku**
(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)
Bandar Baru Bangi
43650 Selangor
🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-94014-2-1

Suntingan dan kemas kini oleh Iskandar Kamel
Bacaan semak oleh Hanisa S.
Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia
Dicetak oleh Vinlin Press

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

*Buat Mak yang (mungkin) tidak akan
membaca buku ini; tanpamu dan
arwah Ayah, sudah tentu tiada aku di
dunia ini...*

Isi Kandungan

Prakata

ix

Prolog

xiii

Mencari Sosialisme

1

Untung PAS, Bulan Berkibar

27

Muzik untuk Menari dan Melawan

57

Luka dan Parut Kebebasan Media

79

Epilog

99

Penghargaan

113

Rujukan

115

Prakata

Jurnalisme, atau kewartawanan bukanlah hanya sebuah kerjaya; atau sekadar tentang berita, atau tentang melaporkan. Di sudut paling dasar jurnalisme yang semakin dilupakan hari ini, terletak sebuah danau jernih yang hening—sebuah keperluan yang tidak lagi kita sedari kerana ia sudah sekian lama ditinggalkan, atau tidak ingin difahami dalam nafasnya yang paling dekat. Dari danau yang sepi itu, jurnalisme bermula sebagai sebuah ketekunan pemerhatian, yang menuntut ketelitian, dan merupakan satu proses menilai. Yang panjang, yang berterusan.

Jurnalisme di tangan orang-orang yang cermat dan teliti serta selalu ingin mempertanyakan banyak soalan dalam diri, merupakan sebuah disiplin yang kental dan membahagiakan. Jurnalisme, dalam wajahnya yang selalu disalah faham, merupakan tindakan yang dilakukan pada hari ini untuk memungkinkan sebuah masa depan yang wajar dan berkesedaran. Ia sumpahan kita yang paling mujarab untuk mengelak lupa dan menjadi dungu.

Sejak awal membayangkan *Jurnal Suara* lima tahun lalu, penerbitan itu dengan sedar memilih untuk tidak hanya menjadi wadah kesusasteraan semata-mata, seperti yang difaham dan diamal-

kan secara sempit oleh sebahagian penganutnya (selalu hanya tentang puisi-cerpen-drama-novel). Tidak sedikit orang bercakap-cakap bahawa mereka tidak faham apa sebenarnya acuan yang diterapkan oleh jurnal tersebut: Selalu memuatkan kandungan-kandungan yang dikenal oleh mereka sebagai sastera, tetapi tidak pula pernah tertinggal untuk menggandingkannya dengan tulisan-tulisan lain yang bahkan sifatnya lebih sastera berbanding bentuk sastera yang umum akui itu. Bagi redaksi *Jurnal Suara*, itu disengajakan, dan bukanlah satu hal yang canggung. Itulah tujuannya: Untuk merempuh dan mencabar idea tentang kesusasteraan yang jumud dan sempit, oleh pelaku-pelaku yang tidak pernah berani mendepang dada melawan angin lintang.

Ada benang merah ‘sastera’ yang mengikat di antara kedua-dua daerah tersebut iaitu bahasa sebagai perangkat atau kenderaan untuk menyampaikan tidak hanya cerita, tetapi lebih penting lagi idea dan peristiwa yang sesungguhnya, membantu menjadikan kita sebagai sebuah warga yang hidup—zahir dan batinnya, yang berkongsi udara dan imaginasi, terutamanya dalam latar kenegaraan di Malaysia.

Yang sebenar-benar sastera ialah bahasa itu sendiri, bukan bentuk acuan yang memanfaatkannya, atau yang cuba mentakrifkannya secara sempit. Kami percaya, disiplin jurnalisme yang serius ialah kunci yang akan dapat menentukan kualiti sesebuah pemerhatian atau jalan cerita yang ingin dihasilkan. Ada kepekaan yang penting di dalamnya, begitu

juga adanya ketelitian yang ingin dicari daripada pemerhatian itu. Jurnalisme merupakan guru terbaik yang mengajar bagaimana sebetulnya untuk memerhatikan duduk perkara, atau cerita, dari pelbagai sisi yang mungkin, sebelum sampai kepada kesimpulan. Sastera pula mengajarkan dan mengasah ketajaman kreativiti serta keliaran imaginasi yang jika diinginkan, dapat mengunjurkan serta mengaburkan lagi garis pemisah antara keduanya untuk sebuah kemungkinan yang lain.

Gandingan kualiti jurnalisme dan sastera sudah pernah menunjukkan coraknya yang sangat menjanjikan. Gabriel García Márquez, Joan Didion, A. Samad Ismail, Hunter S. Thompson, Linda Christanty, Arena Wati, Mariana Enriquez, Goenawan Mohamad dan Fernanda Melchor merupakan antara begitu banyak nama yang sudah meletakkan batu tanda yang tinggi dalam kesu-sasteraan. Semua mereka, terdidik dalam disiplin jurnalisme yang rencam aliran dan wajah; kemudiannya berhasil menjadi seorang pengarang kreatif yang menggugah kefahaman umum pada waktunya.

Dalam pengalaman singkat *Jurnal Suara*, nama Wan Hamidi Hamid antara yang membantu kami melakukan percubaan tersebut melalui tulisan-tulisannya. Sepanjang usia *Jurnal Suara* setakat ini, beliau telah menyumbang lima esei sederhana panjang yang menyentuh hal-hal berkaitan sejarah politik dan sosial yang berpacak dalam gelanggang Malaysia dan serantau. Empat daripada esei

itu dihipunkan dalam kumpulan ini, sebagai petanda terhadap keghairahannya dalam dunia kewartawanan.

Wan Hamidi saya fikir merupakan seorang bekas wartawan yang sangat berbangga dengan perkembangan serta pembangunan dirinya dalam kerjaya dan peranan itu berbanding penglibatannya dalam dunia politik kepartian—yang kedua-duanya diceburi dan digeluti sejak sekian lama. Baginya, dunia kewartawanan barangkali lebih memberikan kepuasan dan kebahagiaan yang berpanjangan: Buktinya, sehingga mencecah usia 60 tahun pun—dan setelah belasan tahun meninggalkan meja rasmi wartawan di media arus perdana—dia masih ingin menghuni dalam garis lingkaran kewartawanan, dan barangkali tidak pernah ingin benar-benar keluar dari situ.

Sayangnya, jurnalisme tidak lagi berada dalam zamannya yang cemerlang: Orang bahkan tidak tahu atau tidak ingin ambil tahu apa isi teras dunia tersebut yang seutuhnya, termasuklah segelintir daripada mereka yang bekerja di dalamnya ketika ini. Berapa ramai yang menggelar diri sebagai wartawan tetapi tidak pun rajin membaca?

Hafiz Hamzah

Prolog

Apabila saya memohon untuk menyertai program Pre-Entry Training Scheme (PETS) anjuran New Straits Times Press (NSTP) pada akhir tahun 1987, ia sekadar permohonan biasa dalam usaha mencari pekerjaan dalam kegawatan ekonomi global ketika itu. Saya yang sudah setahun menganggur setelah tamat pengajian diploma di ITM Arau, Perlis, telah menulis hampir 100 permohonan kepada pelbagai syarikat, kilang, dan hotel di sekitar Pulau Pinang. Hampir semuanya tidak menjawab, dan apabila ada segelintir yang sudi memanggil untuk temu duga, memang ia menghampakan. Seperti hari ini juga, soalnya tetap sama, “anda ada pengalaman?”, dan apabila dijawab “tidak” (selain saya pernah menjadi pencuci bangunan beberapa bulan sewaktu menanti keputusan peperiksaan SPM), dinasihatkan “elok awak sambung belajar, awak masih muda lagi,” dan begitulah seterusnya.

Saya tidak menyalahkan mentaliti syarikat kerana kitaran kejam kapitalisme sememangnya begitu. Malah, saya sendiri tidak minat untuk bekerja, mungkin kerana lebih suka berangan-angan, atau dipengaruhi genre muzik dan seni budaya *punk* alternatif yang kebanyakannya berteraskan anarkisme, dan ada sedikit sebanyak unsur sosialisme.

Pada usia muda seperti itu—walaupun tidaklah begitu muda sangat, sekitar usia 21 tahun, yang ketika itu sudah boleh daftar mengundi—hidup masih di awang-awangan. Jika tidak kerana Ayah hanya seorang kakitangan awam dan Mak suri rumah sepenuh masa, mungkin saya mahu terus melepak.

Budaya ‘malas’ ini mungkin ada kaitannya dengan apa yang ditulis oleh Paul Lafargue, menantu Karl Marx, dalam risalahnya *The Right to Be Lazy* (1883). Mungkin juga kerana saya sendiri yang sengaja salah tafsir tajuknya. Saya tahu Ayah kecewa dan kadang-kadang marah dengan saya yang dilihatnya cuma melepak membaca buku dan menonton televisyen di rumah (dan kerana itu saya pernah melepak jauh ke Kuala Lumpur buat beberapa bulan, tumpang rumah orang sana-sini, juga tanpa sebarang pekerjaan. Memang menyusahkan orang. Kadang-kadang malu memikirkan minda lepas saya. Sah, malas).

Apa pun, saya diterima masuk program PETS tersebut yang merupakan inisiatif NSTP mencari orang muda untuk dilatih menjadi wartawan bagi akhbar-akhbar miliknya seperti *New Straits Times*, *Berita Harian*, dan *Malay Mail*—ketika itu *Harian Metro* belum wujud. Walaupun masih kabur tentang apa itu jurnalisme, apa itu wartawan, apa itu berita atau rencana atau lidah pengarang, apatah lagi tentang perbezaan antara pemberita, penyunting, pengarang, dan bermacam lagi, saya tahu ia

ada kena-mengena dengan hal-hal penulisan—sekurang-kurangnya dalam dunia malas saya, ini memang saya minat.

Selepas ujian bahasa Inggeris, saya dipilih untuk program PETS bagi kewartawanan bahasa Melayu—maksudnya bahasa Inggeris saya tidak cukup mantaplah!

Aduhai, itulah hakikatnya.

Lima bulan kemudian, dan selepas ditemu duga dengan soalan-soalan yang mengusik jiwa seperti “awak sokong atau tidak apabila kerajaan menggunakan ISA ke atas aktivis dan ahli politik?,” saya bersyukur dipilih untuk bertugas dengan *Berita Harian* di Kuala Lumpur. Selepas memahami sedikit sebanyak tentang jurnalisme, khususnya apa yang diajar oleh Nash Rahman yang ketika itu merupakan Pengarang Berita di *Berita Harian*—beliau juga saya anggap sebagai satu-satunya guru kewartawanan saya, maka jurnalisme yang saya tidak pernah tahu apa-apa tentangnya sebelum itu sudah menjadi minat saya. Terima kasih, Nash.

Maka, dengan hati berbekalkan muzik dan lirik *punk rock* yang diadun dengan jiwa darah panas politik kiri—yang saya baca mengenainya dalam buku-buku sejarah di sekolah, buku-buku kecil tulisan Ahmad Boestamam, risalah-risalah dan lidah rasmi Partai Sosialis Rakyat Malaysia, dan beberapa buku tentang sosialisme yang saya temui di perpustakaan ITM Arau—bermulalah kerjaya sebagai pemberita pada pertengahan tahun 1988.

Tahun 1988 cukup mencabar, sekurang-kurangnya dari sudut pandang saya sebagai pemberita *junior*, apabila ia bermula dengan pengharaman UMNO oleh Mahkamah Tinggi diikuti dengan sekelip mata saja penubuhan UMNO BARU, pemecatan Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas, dan benih penubuhan Parti Semangat 46 yang disemai oleh Tengku Razaleigh Hamzah selaku penentang Mahathir Mohamad, yang juga seorang Perdana Menteri, setelah berlakunya perpecahan UMNO setahun sebelum itu. Ia merupakan intrik politik yang sangat menarik buat saya kerana walaupun jiwa tidak pernah berminat dengan sayap kanan konservatif Melayu; ia membuka ruang baru untuk saya memahami susun cara politik yang penuh helah, muslihat, dan tipu daya.

Sudah tentu sebagai pemberita muda, saya tidak berpeluang membuat liputan politik yang dianggap besar dalam media massa. Kebanyakan tugasan awal saya sekadar menghadiri majlis penyampaian cek oleh syarikat atau persatuan, atau acara-acara yang menjemput kehadiran pemimpin yang bertaraf Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen, dan juga isu-isu semasa yang berlaku di sekitar ibu kota Kuala Lumpur. Namun, semua ini melatih minda untuk lebih tajam berfikir, dan tangan mula gatal menulis hal-hal yang berkaitan hak pekerja, dan politik di peringkat negeri.

Sejak itu, saya mula dibenarkan oleh Nash yang sudah pun dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pengarang Berita; dan bersama rakan-rakan dari

akhbar *New Straits Times*, *The Star*, *Utusan Malaysia*, dan agensi Bernama, untuk membuat liputan hal ehwal kesatuan sekerja yang melibatkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) serta kesatuan-kesatuan gabungan mereka.

Dari situ juga saya mengenali dan menjalin hubungan kerja dengan nama-nama pemimpin kesatuan seperti A. H. Ponniah, Ahmad Nor, V. David, Zainal Rampak, Mohamad Abas, dan ramai lagi. Dan kerana ada antara mereka menjadi pemimpin dan anggota parti pembangkang, khususnya DAP, maka rapat pula saya dengan kalangan pembangkang.

Malah, dari situ juga mengenali pemimpin MCA dan MIC yang biasanya diberikan jawatan menerajui Kementerian Buruh—yang kemudiannya dijenamakan semula sebagai Kementerian Sumber Manusia. Malah, ada dua tiga tokoh majikan dan pemimpin perkhidmatan awam yang turut saya kenali melalui tugas kewartawanan itu. Ketika itu banyak juga berita tentang (cadangan, ugutan, dan pelaksanaan) piket serta mogok, dan reaksi pihak majikan dan kerajaan mengenainya.

Hari ini, pimpinan kesatuan sekerja mungkin lebih berminat meminta kenaikan gaji dan bonus hari perayaan saja dengan penuh senyuman dan kesopanan. *Agaknyalah.*

Begitulah sedikit sebanyak mengenai detik-detik awal kerjaya saya, khususnya untuk dua tahun pertama, dalam dunia jurnalisme dan penulisan, secara serius.

Apa yang ingin saya sampaikan di sini ialah pengalaman dunia kewartawanan sejak akhir dekad 1980-an—yang saya saluti dengan pemikiran kekirian bersama minat terhadap genre muzik dan seni budaya alternatif—telah membolehkan saya membuat pelbagai catatan setelah meninggalkan alam media arus perdana lebih 15 tahun lalu; walaupun selepas itu terus melibatkan diri dalam penulisan media politik.

Di luar dunia kewartawanan, saya merasa lebih bebas untuk berkongsi pandangan melalui tulisan-tulisan yang dihantar ke portal-portal berita dan laman-laman web isu semasa. Sejak lima tahun lalu pula, saya turut menulis secara tidak berkala untuk *Jurnal Suara* yang kini dijadikan koleksi esei dalam buku ini. Pengalaman, kisah, dan ilham yang diperolehi sepanjang kerjaya sebagai wartawan, dan sebagai pemerhati politik, dan sedikit sebanyak juga sebagai peniti senja yang masih meminati genre muzik bingit, telah saya muatkan menerusi esei-esei yang terkandung dalam buku ini.

Semoga terhibur membaca.